



جَابِتِنَا كَامِلًا سِلَامًا بِكَرِيْمَةٍ

JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG

26600 PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR

Tel: 09-427 1111 Faks: 09-4228764 (Khidmat Pengurusan) / 09-4221781 (Pengarah)

Laman web : <http://jaip.pahang.gov.my>



#MajuTerusPahang

#Pahang1st

Ruj. Kami : Bil (74)dlm.J.AI.PHG.3/1821

Tarikh : 30 Disember 2025

9 Rejab 1447H

Semua Ketua Penolong Pengarah
Semua Al-Fadhil Qadhi Daerah
Semu Pengetua Sekolah Menengah Agama Negeri

Tuan/Puan,

EDARAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG (JAIP)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, Jabatan Agama Islam Pahang telah menetapkan **Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT** sebagai rujukan rasmi bagi memastikan setiap perolehan serta pembangunan projek ICT di peringkat jabatan dilaksanakan dengan teratur, mengikut standard yang ditetapkan dan mencapai objektif yang disasarkan.
3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan Dokumen Garis Panduan tersebut untuk perhatian dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Segala permohonan baharu berkaitan perolehan ICT hendaklah dikemukakan kepada Unit Teknologi Maklumat, Jabatan Agama Islam Pahang dengan mematuhi prosedur yang telah digariskan
4. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan dalam memastikan pematuhan garis panduan ini amatlah dihargai demi kecemerlangan tadbir urus ICT Jabatan Agama Islam Negeri Pahang.

Kerjasama dan perhatian Tuan/Puan terhadap perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI AHMAD KHIRRIZAL BIN HAJI AB. RAHMAN, DSAP., DIMP., SAP., AAP..)

Pengarah

Jabatan Agama Islam Pahang

s.k : Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang

“HIDUP BERTAQWA”



**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL
DAN PEMANTAUAN PROJEK
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN
KOMUNIKASI (ICT)
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG**

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG

GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG

1. TUJUAN

Dokumen ini bertujuan untuk menyediakan panduan bagi semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP), termasuk Bahagian, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), dan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) untuk memohon kelulusan teknikal projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) daripada Jawatankuasa Pemandu ICT JAIP yang berurus setia di Unit Teknologi Maklumat JAIP serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT tersebut.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JAIP menilai permohonan projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dari semua Bahagian, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), dan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) di bawah JAIP. Penilaian ini merangkumi aspek daya maju teknikal, pengoptimuman sumber dan keberkesanan kos bagi menyokong keperluan perkhidmatan teras Jabatan. Hal ini bertujuan untuk memastikan projek ICT yang dilaksanakan mempunyai nilai tambah serta dapat memberi pulangan nilai untuk wang (*value for money*), impak dan keberkesanan yang tinggi kepada warga JAIP dan komuniti Islam di Negeri Pahang, sekaligus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Jabatan.
- 2.2 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan **Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015** bertajuk "**Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam** atau mana-mana prosedur/pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

4. SKOP PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN TEKNIKAL JPICT JAIP

4.1 Skop projek ICT yang perlu mendapatkan kelulusan teknikal Jawatankuasa Pemandu ICT JAIP (JPICT JAIP) adalah seperti yang berikut:

- a) **Projek Baharu** Projek baharu bermaksud projek pengkomputeran yang melibatkan salah satu atau gabungan aktiviti perolehan perkakasan, perisian, rangkaian, pengurusan data, pembangunan sistem aplikasi serta perkhidmatan berasaskan ICT untuk dilaksanakan di **JAIP** atau di **Bahagian/PAID/SMAN**. Perincian adalah seperti yang berikut:
- i. **Pembangunan Sistem Aplikasi:** merangkumi pembangunan sistem aplikasi menggunakan perisian pembangunan, *customization* dan/atau integrasi;
 - ii. **Perkakasan ICT:** merangkumi semua jenis perkakasan atau peranti elektronik yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu projek ICT, termasuk peralatan input/output, pemprosesan, storan data, multimedia, perkakasan komunikasi mudah alih, dan perkakasan komunikasi berteknologi tinggi;
 - iii. **Perisian ICT:** merangkumi semua jenis perisian sistem, perisian aplikasi dan lesen perisian (pembelian dan pembaharuan). Ini termasuk sistem operasi, pangkalan data, perisian pembangunan sistem, dan perisian yang digunakan untuk menyokong kerja-kerja harian urusan pengurusan, pentadbiran pejabat, serta pengajaran dan pembelajaran (jika berkenaan);
 - iv. **Rangkaian ICT:** merangkumi perolehan perkakasan, perisian dan perkhidmatan bagi menyediakan kemudahan rangkaian luas (WAN), rangkaian setempat (LAN) dan rangkaian tanpa wayar;
 - v. **Perkhidmatan-perkhidmatan lain berasaskan ICT:** merangkumi semua jenis perkhidmatan teknikal yang diperoleh daripada syarikat perunding swasta, kontraktor dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan. Contohnya termasuk instalasi dan konfigurasi perkakasan, pemasangan sistem, pengurusan perubahan (CM), latihan dan pemindahan teknologi (TOT), pejabat pengurusan projek (PMO), pengurusan data, perkhidmatan keselamatan ICT, sewaan perkakasan, pengehosan, migrasi sistem, langganan maklumat dalam talian dan seumpamanya.

(Military Intelligence Sistem), Sistem Pengukuran Amaran (Alert Measurement Sistem), Radio Komunikasi Tentera Kriptografi (Cryptography Military Communications Radio); kejuruteraan, contoh: Simulator Penerbangan Penuh (Full Flight Simulator) dan seumpamanya; dan

- c) Komponen alat ganti, barang pakai habis (consumable item), aksesori, perabot komputer, kamera, projektor, CCTV, penyaman udara, telefon pintar (smartphone) dan seumpamanya.

5. JAMINAN KUALITI

Bagi projek yang kritikal dan berimpak tinggi seperti perolehan Sistem Kewangan dan Perakaunan, Jabatan Kerajaan Negeri hendaklah mengenal pasti keperluan memperoleh khidmat jaminan kualiti/pengujian perisian terhadap perolehan aplikasi/sistem ICT daripada pihak ketiga [Independent Validation and Verification (IVV)] selaras dengan PPP PK2/2013 bertajuk Kaedah Perolehan Kerajaan -Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan atau mana-mana prosedur/pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

6. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

- 6.1 Perolehan ICT di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu mendapat kelulusan peruntukan kewangan daripada Pihak Berkuasa Melulus peruntukan kewangan yang berkenaan serta kelulusan Jawatankuasa Pemandu ICT JAIP (JPICT JAIP) terlebih dahulu sebelum permohonan pelaksanaan perolehan ICT dikemukakan kepada JTI Negeri dan JPICT Negeri (jika skop dan nilai projek memerlukan kelulusan peringkat Negeri).
- 6.2 Permohonan kelulusan teknikal projek ICT hendaklah dikemukakan dalam bentuk Kertas Cadangan Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT mengikut format yang ditetapkan (seperti contoh pada **LAMPIRAN B**).
- 6.3 Semua permohonan perolehan hendaklah mengambil kira pendekatan pelaksanaan dan ciri-ciri projek seperti di **LAMPIRAN C**.
- 6.4 Semua permohonan perolehan projek ICT hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti kajian yang telah dilaksanakan, laporan penggunaan, maklumat spesifikasi perkakasan/perisian dan seumpamanya bagi menyokong permohonan.

Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam, atau mana-mana prosedur/pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

9.3 Pengecualian di Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 adalah kepada para 6.5 (a), 6.5 (b) dan 10.9.

10. PENUTUP

Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP), termasuk Bahagian, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), dan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), hendaklah mematuhi Garis Panduan ini dalam memohon kelulusan teknikal perolehan projek ICT serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT.




**KERTAS CADANGAN PERMOHONAN KELULUSAN
TEKNIKAL PROJEK ICT**

(TAJUK PEROLEHAN)

BAHAGIAN XXX / UNIT XXX / AGENSI XXX

TAHUNXXXX

TANGGUNGJAWAB	PROSES KERJA	TINDAKAN
Pegawai A	 <pre> graph TD Start([Mula]) --> Process[Proses kerja] Process --> End([Tamat]) </pre>	Mula Proses kerja Tamat

7. SKOP PROJEK

(Keterangan mengenai skop sistem aplikasi dan/atau perolehan ICT yang terlibat)

Contoh 1 melibatkan sistem aplikasi:

Jadual di bawah menerangkan spesifikasi terperinci sistem aplikasi beserta modul-modul yang terlibat.

BIL.	PERKARA	KUANTITI (UNIT)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Pembangunan sistem - Bahasa pengaturcaraan : <i>PHP</i> versi terkini - Pangkalan data : <i>MariaDB</i> - Perisian Web Server : <i>Apache</i> - Web server : <i>Linux</i> - Modul sistem : Seperti lampiran - Pengujian : <i>UAT</i> dan Sijil <i>UAT</i>, <i>FAT</i> dan Sijil <i>FAT</i>, Ujian Integrasi	1 Lot	300,500.00	300,500.00
2	Latihan dan dokumentasi - Latihan pengguna : 5 sesi - Latihan teknikal sistem : 2 sesi Dokumentasi : Manual Pengguna, Manual Operasi, Manual Teknik	1 Lot	50,000.00	50,000.00

10. KEKANGAN*

(Keterangan mengenai halangan-halangan yang akan menjejaskan pelaksanaan sistem aplikasi seperti k.ekangan bajet dan kekurangan pegawai yang mahir)

11. STRUKTUR TADBIR URUS*

(Struktur tadbir urus projek yang meliputi Jawatankuasa Pemandu Projek, Jawatankuasa Teknikal Projek dan Pasukan Projek. Carta organisasi Pasukan Projek perlu diperincikan seperti pasukan pengurusan projek, pasukan pembangunan sistem, pasukan teknikal (keselamatan) dan pasukan semakan kualiti)

12. SENARAI RISIKO*

(Keterangan mengenai perkara-perkara yang berkemungkinan akan menjejaskan pelaksanaan dan kualiti pembangunan sistem aplikasi yang telah dikenalpasti oleh pasukan projek serta tahap kebarangkalian risiko tersebut. Tahap kebarangkalian dan tahap impak: tinggi, sederhana atau rendah)

Contoh:

BIL.	RISIKO	KEBARANGKALIAN	IMPAK
1	Perubahan Teknologi	Tinggi	Tinggi
2	Penstrukturan semula organisasi	Sederhana	Tinggi
3	Kekurangan kerjasama daripada subject matter expert (SME)	Sederhana	Tinggi

13. KEPERLUAN SUMBER

(Keterangan mengenai sumber yang sedia ada dan yang diperlukan untuk pelaksanaan sistem aplikasi/perolehan peralatan ICT)

Contoh:

15. JADUAL PELAKSANAAN

(Keterangan mengenai jadual pelaksanaan projek mengikut kiraan mingguan atau bulanan serta tarikh cadangan mula projek)

Contoh:

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH
1	Kajian keperluan	06/02/2023 - 12/02/2023	1 minggu
2	Analisis	13/02/2023 - 19/02/2023	1 minggu
3	Reka bentuk	20/02/2023 - 05/03/2023	2 minggu
4	Pengaturcaraan	06/03/2023 - 26/03/2023	3 minggu
5	Pengujian	27/03/2023 - 02/04/2023	1 minggu
6	Latihan	03/04/2023 - 08/04/2023	1 minggu
Jumlah			9 minggu

16. STRUKTUR PELAPORAN*

(Keterangan mengenai struktur pelaporan pembangunan sistem aplikasi kepada pihak terlibat)

Contoh:

BIL.	PERKARA	KEKERAPAN	EDARAN	MEDIUM
1	Laporan kemajuan projek (termasuk isu/risiko)	Setiap 3 bulan	AJK Pemandu Projek	Mesyuarat & emel
2	Laporan kemajuan projek (termasuk isu/risiko)	Setiap 1 bulan	AJK Teknikal Projek	Mesyuarat & emel
3	Laporan kemajuan projek (termasuk isu/risiko)	Setiap 2 minggu	Pasukan Projek	Mesyuarat & emel

PANDUAN PENDEKATAN PELAKSANAAN DAN CIRI-CIRI PROJEK ICT

PENDEKATAN PELAKSANAAN PROJEK ICT	
1.	Menepati keperluan pemegang taruh (<i>stakeholder</i>)/pengguna (<i>fit for purpose</i>).
2.	Mengambil kira aspek keselamatan, pematuhan kepada standard terbuka serta standard sedia ada.
3.	Mengambil kira kepakaran dan kapasiti ICT di Jabatan Kerajaan Negeri untuk menyokong pelaksanaan projek.
4.	Mengambil kira spesifikasi peralatan terkini di pasaran.
5.	Mewujudkan struktur tadbir urus projek untuk menjamin dan mengekalkan kesinambungan projek.
6.	Memastikan tempoh pelaksanaan yang realistik.
7.	Mengambil kira inisiatif ICT Sektor Awam sedia ada bagi memastikan tiada pertindihan.

CIRI-CIRI PROJEK ICT	
A.	Perkakasan/Perisian/Lesen
	1. Kesesuaian spesifikasi dengan matlamat penggunaan 2. Kebolehskalaan (<i>Scalability-start small, expand when needed</i>) 3. Kesesuaian konfigurasi server (<i>should be able to sustain application requirement for a certain period of time</i>) 4. Bilangan unit diperlukan berbanding perjawatan 5. Menggalakkan perkongsian perkakasan 6. Nisbah pegawai kepada perkakasan (1:1) bagi komputer peribadi (pc) atau komputer riba (notebook) 7. Senarai agihan perkakasan/perisian serta justifikasi perolehan 8. Pelan peluasan bagi perkakasan yang hendak diganti 9. Lesen caj sekali atau kos berulang 10. Pematuhan kepada IPV6

	4. Kesesuaian skop projek dengan jenis dan tempoh latihan serta TOT bagi tujuan penggunaan dan penyelenggaraan sistem
D.	Rangkaian
	1. Keupayaan infrastruktur rangkaian sedia ada (LAN, WAN) 2. Spesifikasi dan reka bentuk dicadangkan/Senibina Teknologi 3. Kesesuaian teknologi rangkaian 4. Keselamatan rangkaian (firewall, router, WAF, switches, IPS, IDS, dll.) Peningkatan/Peluasan 1. Kekangan infrastruktur sedia ada 2. Kajian impak termasuk penggunaan jaringan (network utilization) / prestasi (performance)

	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan dan/atau perisian dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT	<=50k	√	-
E	Peluasan Projek	1.Peluasan penggunaan sistem aplikasi	Tiada Had Nilai	√	√
		2.Perolehan perkakasan dan/atau perisian dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT	<=50k	√	-
			>50k	√	√